

## Bekas Pengurus Kanan Kewangan Nafas didakwa

**KUALA LUMPUR** - Bekas Pengurus Kanan Kewangan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tiga pertuduhan rasuah bagi mempercepatkan pembayaran projek baja lima tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Muhammad Saiful Iskandar Kassim, 43, tidak mengaku salah ke atas kesemua pertuduhan di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketiga, Muhammad Saiful secara rasuah memperoleh suapan iaitu wang tunai sebanyak RM6,000 daripada Mohd Nazim Ariff Nazir Ariff melalui pemindahan wang secara elektronik melalui Akaun Maybank milik tertuduh.

Wang berkenaan sebagai dorongan mempercepatkan proses bayaran bagi Kontrak Menyediakan Tenaga Kerja, Pera-



**Tertuduh (depan, kiri) ketika hadir di mahkamah semalam.**

latan Serta Bahan Bagi Menjalankan kerja-kerja Menghantar Baja dari Gudang Nafas di NPK Fertilizer Sdn Bhd Kedah dan Agro-Tech NPK (M) Sdn Bhd Sabah ke Gudang Nafas di Sabah dan Sarawak (Door to Door) Tahun 2015.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di cawangan Dataran Maybank Jalan Maarof di sini

antara 10 Disember 2015 hingga 26 Februari 2016

Hakim membenarkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan passport diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh perlu hadir di pejabat SPRM setiap sekali sebulan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 25 September depan untuk sebutan semula kes.